

28 SEP 2003

Rafidah-Kabinet

RAFIDAH MINTA ANGGOTA KABINET TERUSKAN TUGAS BANTU PUCUK PIMPINAN BARU

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata semua anggota kabinet mesti membantu pucuk pimpinan yang baru seperti mana yang telah diberikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rafidah menekankan bahawa kabinet Malaysia adalah kabinet kolektif dan bukannya kabinet individu yang mana ia memerlukan kerjasama semua anggota.

Beliau yang juga Ketua Wanita Umno berkata dalam konteks ini setiap anggota kabinet perlu memastikan kelancaran tugas masing-masing untuk mencapai segala objektif kerajaan.

"Kita mempunyai kabinet yang kolektif, jadi dengan ini tiada masalah dalam peralihan kuasa.

"Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) sendiri pun telah mepengerusikan beberapa jawatankuasa kabinet dan beliau turut dibantu oleh menteri-menteri lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penerangan Peluang Pemilikan Perumahan Di Bawah Pakej Ransangan Ekonomi Negara dan Bajet 2004 anjuran Pergerakan Wanita Umno Malaysia di sini hari ini.

Rafidah berkata demikian ketika diminta mengulas tentang kenyataan Dr Mahathir semalam yang menegaskan bahawa beliau tetap mengundurkan diri pada 31 Oktober.

Beliau menambah peralihan kuasa itu telah pun berlaku secara beransur-ansur di mana Abdullah telah memikul beberapa tanggungjawab semasa ketiadaan Dr Mahathir.

Katanya apa yang jelas ketiadaan Dr Mahathir dalam kabinet akan dirasai, namun begitu Umno tidak akan kehilangan Dr Mahathir.

"Datuk Seri (Dr Mahathir) telah menyatakan beliau akan bersama-sama dengan Umno dan dengan begitu kita tidaklah kehilangan beliau dalam arena politik," katanya.

-- BERNAMA

NN KHY ROS